



SIARAN MEDIA

MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP) KETUAI DELEGASI KOPERASI MALAYSIA KE PERHIMPUNAN AGUNG IKATAN KOPERASI ANTARABANGSA, ICA ELECTIVE GENERAL ASSEMBLY DI SEVILLE, SEPANYOL

PETALING JAYA, 17 JUN 2022 – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar berlepas ke Sepanyol bagi memulakan lawatan kerja rasmi bermula 17 hingga 24 Jun 2022. Beliau mengetuai delegasi koperasi Malaysia ke **Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa, ICA Elective General Assembly** di Seville, Sepanyol yang akan berlangsung pada 19 hingga 22 Jun 2022 serta dijadualkan mengadakan beberapa pertemuan bersemuka dengan pemimpin negara di Seville dan Madrid, Sepanyol.

Menteri KUSKOP dan delegasi Malaysia sambil diiringi oleh Tuan Yang Terutama Dato' Akmal Che Musa, Duta Besar Malaysia ke Sepanyol akan turut mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Transformasi Digital Sepanyol, Nadia Calviño Santamaría bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan membincangkan kerjasama pelbagai bidang yang boleh dijalinan khususnya dalam pembangunan gerakan koperasi dan keusahawanan. Selain itu, beliau juga akan turut mengadakan pertemuan dengan kakitangan Kedutaan Besar Malaysia (KBM) serta rakyat dan pelajar-pelajar Malaysia yang berada di Madrid.

Dalam sesi yang lain pula, ANGKASA akan memuktamadkan memorandum kerjasama antara ANGKASA dengan koperasi terbaik dunia, Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO) berkenaan pembekalan baja nano yang akan memberi manfaat kepada koperasi yang terlibat dalam sektor pertanian dan industri asas tani serta sektor perladangan. Perjanjian memorandum ini akan disaksikan oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan diiringi oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan) KUSKOP, Dato' Mohammad Radhi bin Abdul Razak, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Tuan Haji Zazali Haron, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Datuk Mohd Ali bin Mansor, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah dan Pengerusi Bank Rakyat, Dato' Abd. Rani Lebai Jaafar.

Seramai 70 orang delegasi koperasi Malaysia ke Sepanyol yang disertai wakil daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan apeks gerakan koperasi Malaysia dan beberapa buah koperasi yang tersenarai dalam 100 koperasi terbaik Malaysia.

Sebanyak 312 buah koperasi dari 112 buah negara bakal menyertai Perhimpunan Agung dan Persidangan “ICA Cooperatives: The Moment Is Now!” bagi membincangkan dasar, polisi dan hala tuju koperasi serta kolaborasi dalam perkongsian ilmu, kepakaran, teknologi, budaya agar sektor koperasi kekal relevan dalam memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat dan komuniti.

Ikatan Koperasi Antarabangsa atau International Cooperative Alliance (ICA) adalah badan induk koperasi global yang merupakan platform untuk mengumpulkan semua koperasi di seluruh dunia. Perhimpunan agung dwitahunan ini bertujuan untuk membincangkan hala tuju dan isu semasa berkaitan pembangunan koperasi, menyokong laporan kewangan dan belanjawan. Selain itu, perhimpunan juga berperanan sebagai rangkaian kerjasama antara koperasi dan memberi peluang untuk setiap koperasi membuat penandaarasan berdasarkan kepada perkongsian pengalaman koperasi terbaik dunia.

ICA Elective General Assembly 2022 akan turut mengadakan pemilihan Ahli Lembaga ICA untuk empat tahun seterusnya iaitu bagi penggal 2022-2026. Malaysia akan diwakili oleh YBhg. Dato’ Haji Kamarudin Ismail, anggota Lembaga Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) untuk bertanding semula dan mempertahankan kedudukan yang pernah dimenangi pada penggal 2017 – 2022 selaku wakil Malaysia bagi kerusi Ahli Lembaga ICA tersebut.

Kedudukan ini amat penting kepada Malaysia bagi mengetengahkan isu koperasi yang signifikan bukan sahaja melibatkan negara, malah di peringkat global serta memperluas kerjasama ekonomi dan akses pasaran produk dan perkhidmatan koperasi Malaysia di peringkat antarabangsa.

**PENGURUS BESAR BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
MERANGKAP PEGAWAI KHAS KEPADA PRESIDEN
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)
17 JUN 2022**

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan 31 Disember 2021, ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan menaungi 14,834 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 7.08 juta orang, jumlah modal syer/ yuran sebanyak RM16.5 bilion dan jumlah aset RM155 bilion. Perolehan gerakan koperasi mencatat sebanyak RM37.9 bilion. (Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Seiring dengan 51 tahun penubuhannya, ANGKASA akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta berperanan sebagai instrumen pengagihan ekonomi yang adil dan saksama demi kesejahteraan untuk semua.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di @ANGKASACoop

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

Halim Haji Ibrahim
Pengurus Besar
Bahagian Komunikasi Korporat
Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA
Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481
Faks : +603 – 7884 6489
E-mel : korporat.angkasa@gmail.com
www.angkasa.coop

KOPERASI MENYOKONG AGENDA



